

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
PEJABAT BENDAHARI**

**UTM -03 /10.12 / 3 ( 1 0 )**

**Tarikh 1 Ogos 1997**

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/97**

Dekan-Dekan Fakulti,  
Ketua-Ketua jabatan  
Universiti Teknologi Malaysia.

Assalamualaikun Wr. Wbt.

Saudara,

**ATURCARA PEROLEHAN UNIVERSITI**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan aturcara perolehan yang perlu dipatuhi oleh semua jabatan/Fakulti.

Universiti diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/94 dan Mesyuarat Majlis ke 94 untuk mengamalkan perolehan seperti berikut:-

**1.0 Definasi**

**1.1 Perolehan**

Mendapatkan suatu bekalan atau perkhidmatan dengan rnengikuti tatacara yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan atau yang telah diluluskan oleh Majlis Universiti.

**1.2 Bekalan**

**1.2.1 Bukan Harta Modal**

Adalah dirnaksudkan sebagai barang-barang yang tidak termasuk ditakrifkan sebagai harta Universiti.

**1.2.2 Harta Modal**

Adalah dimaksudkan sebagai barang-barang yang ditakrifkan menjadi harta Universiti yang kos minirna pembelian RM3,000.00 seunit. Bagi perabut penentuan harta modal tertakluk kepada had minima iaitu RM500.00 seunit.

**1.3 Perkhidmatan**